

# IOQRRA'



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

**Tanah Melayu Merdeka: Peranan Raja-Raja Melayu Dalam Mencapai Kemerdekaan**

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 4



**Bicara Khas Bersama Srikandi Negara**

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 7



**Aktiviti Semarakkan Bulan Kemerdekaan 2021**

PTAR Cawangan Dungun - muka 15



**Program Sembang ICT Bersama PTAR Siri 2**

PTAR Cawangan Jasin - muka 16



**Sesi Perkongsian: Penubuhan, Pembangunan e-Library Dan Lawatan Secara Maya Ke Digital Library UiTM**

PTAR Cawangan Sarawak - muka 21



Let's Join our  
**INFORMATION LITERACY CLASS**

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

**LIBRARY eBOOK MADE SIMP**

DOWNLOAD  
eBook available at PTAR

BROWSE  
Browse eBooks from

Promosi@PTAR

# SIDANG REDAKSI

# IQORA'

## PENASIHAT

Ts. Noor Hidayat bin Adnan

## KETUA EDITOR

En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman

## EDITOR

Pn. Shahidatul Akhmam Rambeli

## PENYELARAS

Pn. Adlina binti Abdullah

## REKA BENTUK GRAFIK

Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz

## WARTAWAN/WAKIL CAWANGAN

Shah Alam	: Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pn. Nik Zatihulwani Jamaludin, Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Pn. Norazlin Mohd. Yusof, Pn. Nurul Fariah Sarmin Panut, Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah, Pn. Noredayu Rosli, Pn. Azian Azis
Melaka	: Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah Md Aziz & Cik Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Cik Nor Azrina Kassim
Sabah	: Cik Marlia Yuming
Kedah	: Pn. Noor Azlin Abdullah
Pulau Pinang	: Pn. Rafidah Muhamad Sam, Pn. Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pn. Nurhayati Hassan
Kelantan	: En. Muslim Ismail @ Ahmad
Perak	: En. Mohd Azim Ansori, Cik. Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Pn. Hapsah Suut
Pahang	: Pn. Norfitriah Mat Seman, En. Roshairi Che Razali, En. Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah
Johor	: Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: En. Syaiful Hisyam Saleh, En. Mohd Hafiz Kasirun & Pn. Nur Rabita Rouzan
Selangor	: Pn. Hafiza Mustape, Pn. Nur Fatihah Muhamad, Cik Nordiana Turkijo, Pn. Wan Rohani Wan Chin

## PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
Universiti Teknologi MARA,  
40450, Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.

## KEKERAPAN KELUARAN

12 Keluaran Setiap Tahun

ISSN NO : 2735-1920



Untuk menonton  
semula:




Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara bersempena Hari Kemerdekaan yang ke-64. Program ini diadakan pada 11 Ogos 2021 jam 11 pagi secara langsung dalam segmen Bicara Buku yang bertajuk Antologi Puisi Merdeka 60: Bianglala Melukis Syurga. Program ini telah dikendalikan oleh Puan Siti Salwa A. Rahman, Pustakawan Kanan, selaku moderator bersama panel jemputan, Nurul Syahida Hassan yang merupakan salah seorang penulis bagi karya Bianglala Melukis Syurga.

Program ini telah dimulakan dengan memperkenalkan latar belakang Nurul Syahida Hassan yang merupakan penulis buku yang hebat dan juga alumni UiTM Shah Alam. Sesi perkongsian diteruskan dengan penerangan daripada panel jemputan tentang isi kandungan buku yang mana buku ini bertemakan kemerdekaan yang menggunakan konsep kolaborasi antara penulis dengan penerbit. Buku ini melibatkan 140 orang penulis mapan dan baru yang menghimpunkan 168 buah sajak berdasarkan tema kemerdekaan. Bianglala bermaksud pelangi yang dipetik daripada Bahasa Indonesia. Buku ini juga meliputi variasi penulis dan persembahan emosi mengenai puisi merdeka.

Seterusnya, panel jemputan berkongsi pula tentang kepentingan berilmu yang mana ilmu mampu memerdekakan diri dan bangsa sama seperti kegigihan penulis tersohor iaitu Hamka atau nama sebenarnya Haji Abdul Malik Karim Amrullah. Hamka sangat terkenal dengan peribadinya yang mencintai ilmu sehinggakan beliau dipenjarakan akibat kelantangannya dalam menegakkan keadilan. Walaupun beliau dipenjarakan, tetapi minda dan suara hatinya masih bebas kerana dadanya telah sarat dengan pelbagai ilmu.

Dalam pada itu, Nurul Syahida Hassan turut menekankan tentang perkembangan teknologi masa kini adalah penting bagi menyelami dan menembusi jiwa anak-anak muda untuk mendorong mereka mengenali serta menggemari karya-karya kreatif dalam pelbagai bidang terutamanya bidang sastera.

Akhir kata, panel jemputan berharap agar industri pembukuan ini dapat diserikan dengan pelbagai latar belakang penulis kerana pihak penerbitan buku ingin memperbanyakkan hasil buku dalam pelbagai bidang ilmu misalnya memiliki karya penulis yang mempelajari bidang kejuruteraan yang dapat berkongsi tentang ilmu kejuruteraan dan pembangunan dan penulis yang memiliki latar belakang sebagai pegawai farmasi yang dapat menghasilkan buku tentang perubatan serta berbagai-bagai bidang lagi. Hal ini dapat menghasilkan sebuah buku yang menarik untuk bacaan umum.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Unit Penerbitan dan Pemasaran,  
Bahagian Komunikasi Korporat,  
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
UiTM Shah Alam.

**No. Tel: 03-5544 3731**



ISO 9001:2015 No. Sijil : 0048803

